



14 Mac 2013  
14 March 2013  
P.U. (A) 91

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2013

### *STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 5) 2013.**

**Pengecualian**

2. (1) Surat cara yang disempurnakan oleh pembeli asal, iaitu pembeli yang namanya dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli asal berhubung dengan projek terbengkalai, atau warisnya dikecualikan daripada duti setem.

(2) Surat cara yang disebut dalam subperenggan (1) adalah—

(a) apa-apa surat cara pinjaman atau perjanjian pinjaman yang diluluskan oleh bank dan institusi kewangan bagi maksud pembiayaan harta kediaman yang dipulihkan berhubung dengan projek terbengkalai; dan

(b) apa-apa surat cara pindah milik bagi maksud pindah milik harta kediaman yang dipulihkan berhubung dengan projek terbengkalai.

(3) Bank dan institusi kewangan yang disebut dalam subsubperenggan (2)(2)(a) adalah—

(a) mana-mana bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];

- (b) mana-mana bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];
- (c) mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (d) mana-mana perniagaan insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*]; atau
- (e) mana-mana pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*].

(4) Harta kediaman yang dipulihkan yang disebut dalam subperenggan (2) ertinya suatu rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa bagi projek terbengkalai yang dipulihkan dan dibina sebagai suatu rumah kediaman oleh kontraktor atau pemaju penyelamat yang dilantik atau diluluskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjalankan kerja pemulihan bagi projek terbengkalai.

(5) Projek terbengkalai yang disebut dalam perenggan 2 ertinya suatu projek yang diperakui oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai projek terbengkalai menurut perenggan 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*].

### **Pemakaian**

3. Pengecualian dalam perenggan 2 hendaklah terpakai bagi surat cara yang disempurnakan oleh pembeli asal pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2015.